

19/01/2004

Lawatan PM perteguh hubungan KL-Manila

Mahfar Ali

HUBUNGAN Malaysia-Filipina sering dibayangi pelbagai isu dan kejadian yang kadang kala boleh mengeruhkan persahabatan dua negara berjiran itu. Malah, hubungan kedua-dua negara pernah renggang ketika pemerintahan Presiden Joseph Estrada.

Bagaimanapun, kemesraan Kuala Lumpur-Manila kembali pulih hasil lawatan rasmi Presiden Gloria Arroyo Macapagal pada 2001 selepas mengambil alih kepemimpinan negara itu berikutan kejatuhan Estrada.

Kunjungan pertama itu disusuli beberapa lawatan kerja termasuk kali terakhir pada Oktober tahun lalu apabila Arroyo diundang khas ke Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya.

Namun, dalam kemesraan yang dirintis Arroyo, masih ada isu yang sehingga kini terus menjadi `duri dalam daging' yang boleh `menyakitkan' hubungan akrab kedua-dua negara.

Tuntutan Filipina ke atas Sabah, misalnya, yang dibangkitkan mendiang ayah Arroyo, Presiden Diosdado Macapagal pada 1963 sehingga kini masih berlarutan dan paling membimbangkan isu berkenaan dari semasa ke semasa terus ditimbulkan ahli politik serta media negara itu bagi kepentingan tertentu.

Malah, isu berkenaan turut dijadikan bahan ugutan untuk mendesak Filipina membangkitkannya setiap kali berlaku perselisihan di antara kedua-dua negara.

Masalah pendatang izin Filipina khususnya di Sabah juga pernah mencetuskan pergeseran diplomatik antara Kuala Lumpur dengan Manila, manakala kesan pergolakan di selatan Filipina pula terus mengancam keselamatan di sempadan negara.

Justeru, pertemuan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Arroyo di Istana Malacanang, Manila esok, meskipun tidak mempunyai agenda khusus, tetapi tetap dilihat penting bagi mengukuhkan lagi kemesraan yang sudah terjalin agar hubungan akrab kedua-dua negara tidak mudah goyah dengan isu seumpama itu.

Pertemuan kedua-dua pemimpin ini sebenarnya bukanlah yang pertama selepas Abdullah dilantik sebagai Perdana Menteri menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad 31 Oktober lalu.

Kedua-duanya pernah bertemu di Tokyo ketika Sidang Kemuncak Kenangan ke-30 Hubungan Asean-Jepun pada Disember lalu dan kesempatan itu dimanfaatkan bagi membincangkan pelbagai isu membabitkan kepentingan bersama.

Pada pertemuan di Tokyo itu, Abdullah menekankan pentingnya suruhanjaya bersama antara kerajaan sedia ada mengadakan rundingan setiap tahun bagi mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala.

"Ada banyak kebaikan apabila masalah dua hala dapat diselesaikan dengan cepat," kata Perdana Menteri yang turut membincangkan masalah yang menghalang proses damai di antara Kerajaan Filipina dan kumpulan pemisah di selatan Filipina.

Esok, kedua-dua pemimpin itu akan bertemu sekali lagi dan peluang itu sudah pasti digunakan untuk membincangkan lebih lanjut terutama perkembangan terkini proses damai serta rundingan antara Manila dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) yang diatur Kuala Lumpur.

Manila berusaha untuk mencapai penyelesaian politik dengan MILF sebelum pilihan raya presiden 2004. Kuala Lumpur pula memang sejak awal lagi menyokong proses damai itu kerana pergolakan di selatan Filipina turut

dirasai Malaysia berikutan penghijrahan beramai-ramai penduduk di kawasan itu ke Sabah dan sesetengahnya pula terbabit dalam keganasan dan penculikan di sempadan negara.

Dengan itu penyelesaian terhadap konflik berkenaan akan turut mengurangkan masalah berkaitan pendatang tanpa izin Filipina serta isu keselamatan di sempadan yang sering menguji kesabaran kedua-dua negara.

Rundingan damai di Kuala Lumpur pada asalnya dijadualkan Julai lalu, tetapi beberapa kali ditangguhkan. MILF yang dianggotai kira-kira 12,500 orang berjuang untuk membentuk negara Islam merdeka sejak 1978 dan dalam tempoh itu ramai yang terkorban termasuk penduduk awam.

Apakah pertemuan Abdullah dan Arroyo esok dapat merintis jalan bagi menamatkan segera konflik menyebabkan sekurang-kurangnya 120,000 orang maut di negara ramai penganut Roman Katolik itu?

Abdullah yang dijadual tiba di Manila malam ini bagi meneruskan siri lawatannya ke negara Asean, juga dijangka membincangkan usaha untuk merencanakan kembali pembangunan di Kawasan Pertumbuhan Asean Timur membabitkan Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina (BIMP-EAGA) yang turut merangkumi kawasan di selatan Filipina.

Ini selaras dengan Deklarasi Tokyo yang dipersetujui Asean dan Jepun, pertengahan Disember lalu, untuk membangunkan kawasan itu secara bersepadu dengan bantuan kewangan daripada kerajaan Jepun.

Kawasan BIMP-EAGA mempunyai 45 juta penduduk, bagaimanapun sebahagian besar kawasan 1,563,877 kilometer persegi itu masih mundur berikutan pelbagai konflik, kecuali Malaysia dan Brunei.

Selain selatan Filipina yang merangkumi pulau Mindanao dan Palawan, BIMP-EAGA turut membabitkan kawasan Indonesia iaitu Kalimantan, Sulawesi, Maluku dan Irian Jaya. Melalui program itu, rantau berkenaan akan dimajukan setanding kawasan lain dalam negara Asean.

Sebenarnya, sebelum ini banyak usaha sudah pun dilakukan Malaysia untuk membantu membangunkan selatan Filipina. Malah nilai perdagangan antara Malaysia dan Filipina meningkat daripada kira-kira RM5.7 bilion pada 1996 kepada RM14.2 bilion pada 2000.

Dalam pertemuan esok, Abdullah dan Arroyo sudah tentu mahu melihat kedua-dua negara meningkatkan lagi kerjasama dalam ekonomi, termasuk tenaga, pertanian dan pelancongan dalam menghadapi era globalisasi.

Selain itu, kedua-dua pemimpin juga dijangka menyentuh soal keselamatan terutama kerjasama dalam mengekang pergerakan merentas sempadan kumpulan militan kedua-dua negara.